

PM gesa pengusaha sawit tegas

MM 6 SEP 1987

KUANTAN 5 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menggesa para pengusaha sawit tempatan supaya mengambil langkah - langkah tegas bagi menyangkal usaha dan dakwaan negara - negara maju untuk melemahkan industri minyak sawit negara.

Perdana Menteri berkata ancaman oleh negara - negara berkenaan termasuk negara - negara dari Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) tidak seharusnya dibiarkan dan sebaliknya tindakan mereka perlu sentiasa diawasi.

"Kita juga harus membuat persediaan terhadap ancaman - ancaman yang lebih besar di masa akan datang bagi menjamin kestabilan dan permintaan terhadap barangan sawit berterusan," katanya semasa merasmikan Kompleks FELDA di Tanjung Gelang, dekat sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata tindakan negara anggota EEC baru - baru ini untuk mengenakan cukai ke atas import semua jenis minyak sayuran menunjukkan bahawa mereka sudah mulai tidak mempercayai doktrin perdagangan bebas yang mereka sendiri ketengahkan.

Katanya, Persatuan Pengeluar - Pengeluar Kacang Soya Amerika Syarikat juga menjalankan kempen memburuk - burukkan minyak sawit dengan mendakwa ia membahayakan kesihatan dan seterusnya mendesak kerajaan mereka mengeluarkan undang - undang supaya semua keluaran makanan yang mengandungi minyak makanan tropika dilabelkan.

Perdana Menteri berkata tujuan sebenar kumpulan itu ialah semata - mata untuk mengaburi mata pengguna di negara berkenaan supaya tidak membeli keluaran yang menggunakan minyak sawit, dan dengan itu dapat mengurangkan persaingan daripada minyak sawit negara ini di pasaran Amerika Syarikat dan negara - negara lain.

Persaingan dalam apa bidang sekalipun, katanya adalah baik kerana ia akan menimbulkan keluaran dan perkhidmatan yang lebih

bermutu, tetapi langkah negara - negara maju itu tidak sihat kerana ia telah bertukar menjadi ancaman.

Beliau menggesa para pengusaha sentiasa berusaha mencari jalan untuk meningkatkan orientasi supaya dapat bersaing dengan pengeluar lain terutama ketika minyak sawit negara ini sedang menghadapi persaingan daripada negara - negara pengeluar yang lain, di samping persaingan daripada pengeluar minyak

sayuran dan lemak gantikan.

Mengenai sungutan pengusaha tertentu yang merasakan kerajaan tidak memberi galakan yang secukupnya kebelakangan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan sebenarnya memberi segala kemudahan bagi menggalakkan pertumbuhan industri pemerosesan minyak sawit dan terpulanglah kepada mereka yang berkenaan

LIHAT MUKA 11

PM gesa pengusaha sawit tegas

untuk menjayakannya.

Beliau berkata ketidakstabilan harga mungkin berpunca daripada sikap pengusaha yang lebih menitikberatkan pasaran dan kaedah jualan tertentu dengan tidak mempedulikan siapa dan negara mana yang menjadi pembeli sebenar keluaran mereka.

Cara itu lebih mudah tetapi ia akan menggalakkan kewujudan orang tengah dan ahli - ahli spekulasi, yang menyebabkan harga barangan sentiasa turun naik dan keadaan itu mendatangkan kesan amat ketara ke atas ekonomi negara yang banyak bergantung kepada eksport hasil pertanian.

Perdana Menteri berkata usaha haruslah dipertingkatkan ke arah jualan secara terus kepada pengguna supaya harga dapat distabilkan dan permintaan terhadap barangan berterusan.

"Jualan secara terus juga akan membolehkan kita menapak di pasaran berkenaan di samping menolong menjimatkan pertukaran wang asing apabila kita menggunakan perkhidmatan pengangkutan dan insurans negara sendiri.

"Dalam hubungan ini, pemerosesannya seharusnya diikuti dengan kegiatan pemasaran yang lebih dinamis dan teratur bagi memperluaskan lagi pasaran untuk menghasilkan pulangan yang baik kepada industri," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kejayaan negara dalam industri minyak sawit tidak boleh dianggap mencukupi sekadar pembukaan tanah dan pembinaan kilang semata - mata. Sebaliknya perlu meneruskan penglibatan barang - barang hiliran yang lebih bernilai kerana keluarannya boleh digunakan dalam industri pembuatan barangan pengguna.

Katanya, kegiatan hiliran bukan sahaja dapat menyumbang ke arah dasar kerajaan untuk mempercepatkan pertumbuhan sektor perkilangan negara malarahan untuk penyerapan teknologi serta mewujudkan peluang pekerjaan dan pendedahan kemahiran kepada tenaga buruh yang kian bertambah.

Beliau juga mengingatkan pengusaha supaya memastikan mutu keluaran barangan tidak terjejas dalam keghairahan mereka mengurangkan kos pengeluaran.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata perkara itu amat penting kerana keluaran yang bermutu rendah bukan sahaja menjejaskan imej dan kredibiliti negara bahkan boleh memberikan kesan yang buruk kepada industri itu.

Beliau juga mahukan bidang penyelidikan dan pembangunan bagi industri minyak sawit diperluaskan kerana industri itu merupakan antara yang terpenting kepada pendapatan negara.

Penyelidikan itu hendaklah merangkumi keseluruhan industri itu meliputi bidang pertanian dan pemerosesannya dengan tujuan meningkatkan daya pengeluaran, mengurangkan kos dan peningkatan mutu serta mendapatkan kegunaan baru untuk mempelbagaikan hasil keluaran negara.

Beliau berharap FELDA dapat menempa kejayaan dalam usahanya ke arah perkembangan industri minyak sawit dengan beroperasinya kompleks itu.